

Oleh **AKBAR HAQI**
(Universiti Malaysia Sarawak)

Keunikan Sejarah Bahasa Melayu Sambas dan Sarawak

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang lazimnya digunakan oleh beberapa negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Malaysia, Negara Brunei Darussalam, dan Singapura (Asmah, 1988) yang dahulunya merupakan satu rumpun, khususnya dari segi bahasa, walaupun terpisah oleh sempadan politik dan geografi. Terdapat kemiripan bahasa yang digunakan oleh penulis bahasa Melayu negara tersebut sehingga hal yang sedemikian ini boleh mengeratkan tali persaudaraan dan kerjasama antara rakyatnya.

Di Malaysia dan Negara Brunei Darussalam, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang menunjukkan identiti sesebuah bangsa itu sendiri. Bahasa Melayu digunakan oleh rakyat Malaysia dan Brunei sebagai alat untuk berkomunikasi. Bahasa Melayu di kedua-dua negara tersebut mempunyai kesamaan yang cukup kuat. Sementara itu, di Indonesia, bahasa Melayu lebih dikenali sebagai bahasa Indonesia, iaitu bahasa kebangsaan masyarakat Indonesia.

Seluruh wilayah di Indonesia menggunakan pelbagai dialek yang berbeza. Untuk menyatukan seluruh etnik negara tersebut maka disepakati satu bahasa, iaitu bahasa Indonesia yang tidak banyak berbeza dengan bahasa Melayu.

Bertitik tolak hal ini penulis akan membahaskan tentang bahasa Melayu yang dituturkan di Sambas (Indonesia) dengan bahasa Melayu di Malaysia Timur, iaitu Sarawak. Alasan menjadikan kedua-dua wilayah ini sebagai bahan kajian kerana secara geografi, kedua-dua kawasan tersebut sangatlah berdekatan dan mempunyai hubungan yang cukup erat di samping mempunyai sejarah nenek moyang yang sama. Jarak yang dilalui dari Sambas ke Sarawak hanya memerlukan masa sekitar tiga atau empat jam melalui jalan Biawak atau melalui kawasan Sarikin (namun kawasan ini tidak tersedia pos persempadan dan hanya dikawal oleh beberapa askar tempatan). Akan tetapi, jika menggunakan laluan Pontianak, perjalanannya akan memakan masa yang cukup lama, iaitu sembilan hingga sepuluh jam dengan menaiki bas.

Di samping itu juga, ramai masyarakat Sambas yang merantau ke Sarawak untuk mencari rezeki. Mereka menerab ke beberapa kawasan di Sarawak seperti Lundu, bandar raya Kuching, Sibu, Kabong, Bintulu dan Miri. Begitu juga halnya dengan masyarakat Sarawak, yang merantau ke kawasan Indonesia, terutama di Kalimantan Barat seperti Balai Karangan, Pontianak, Sambas, dan sebagainya.

Berdasarkan pengalaman dan penelitian semasa menuntut di Sarawak, didapati wujud kemiripan antara bahasa Melayu Sambas dengan bahasa Melayu Sarawak di pelbagai tempat yang penulis kunjungi. Contohnya kata

sitok dan *siun* yang bermaksud "sini" dan "sana". Kata ini juga wujud dalam percakapan keseharian masyarakat Sambas dengan membawa maksud yang sama. Hal yang sedemikian ini sangat menarik untuk dikaji kerana sedikit demi sedikit membuka sejarah tentang perjalanan asal usul dari bahasa Melayu itu sendiri. Dalam makalah ini juga, penulis akan membahaskan tentang asal usul bahasa Melayu, terutama di kawasan Sambas dan juga di Sarawak. Tujuannya untuk mengetahui asal kemiripan yang wujud dalam kedua-dua bahasa di kawasan tersebut.

Asal Usul Melayu Sambas

Suku Melayu Sambas merupakan suku bangsa yang menduduki pantai utara bahagian barat wilayah Kalimantan Barat, Indonesia. Suku Melayu Sambas dikategorikan sebagai Melayu-Proto, sama halnya seperti suku Dayak, Batak, Banjar, Berau dan Paser. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa suku Melayu Sambas merupakan suku asli Kalimantan (Yusriadi, 2015).

Baru-baru ini didapati bahawa suku Melayu Sambas menerab ke wilayah Benua Sambas seperti daerah Sambas, Bengkayang, dan bandar raya Singkawang. Sebagian kecil suku ini juga didapati telah tersebar di wilayah Sarawak, Malaysia. Bahasa Melayu Sambas sangat berbeza dengan bahasa yang dituturkan oleh sebahagian suku Melayu yang tersebar di Sumatera mahupun di Semenanjung Malaysia. Walaupun demikian, bahasa Melayu dialek Sambas lebih mempunyai kesamaan dengan bahasa-bahasa lokal yang berada di Kepulauan Borneo. Oleh sebab itu, bahasa Melayu sambas secara linguistik

Beberapa suku asli Melayu yang digolongkan dalam rumpun Dayak Melayik ialah seperti Banjar, Berau, Kedayan (Brunei), Senganan, dan Sambas.

termasuk dalam rumpun suku Dayak, iaitu Dayak Melayik. Bahasa Dayak Melayik ini dituturkan oleh tiga suku Dayak iaitu Dayak Meratus atau bukit, Dayak Iban, dan Dayak Kedayan.

Beberapa suku asli Melayu yang digolongkan dalam rumpun Dayak Melayik adalah Banjar, Berau, Kedayan (Brunei), Senganan, dan Sambas. Menurut Bernd Notherfer, berdasarkan ialah penelitian Adelaar (1992), bahasa Melayik purba ialah bahasa yang diturunkan daripada bahasa Austronesia seperti dialek Iban, Sambas, Sarawak, Brunei, Berau, Kutai, Banjar, Ketapang, Minangkabau, Jambi, dan sebagainya.

Meskipun bahasa Melayu Sambas termasuk dalam rumpun suku Dayak Melayik, bahasa tersebut sangat mudah difahami. Bahasa ini juga mempunyai keunikan tersendiri, iaitu pengucapan huruf ganda seperti pada kata "bassar" yang bermaksud "besar". Bahasa Melayu Sambas juga sebahagian besarnya dipengaruhi oleh bahasa

Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa suku Melayu Sarawak berasal dari suku Dayak yang telah memeluk Islam dan sudah mengadaptasikan adat, budaya, dan cara hidup orang Melayu serta bahasa Melayu dalam kehidupan seharian.

Melayu Sarawak, Dayak Kayan, bahasa Dayak Iban, Banjar, dan Jawa. Bahasa ini juga mempunyai kesamaan dengan bahasa Melayu Brunei dan Melayu Ngabang (Indonesia) yang dituturkan di kawasan berhampiran, berbanding bahasa Melayu yang digunakan di Semenanjung.

Bahasa Melayu Sambas juga hampir mencakupi bahasa yang ada di kawasan Pulau Kalimantan. Bahasa ini mempunyai pelbagai dialek. Bahasa Melayu yang dituturkan di kawasan Sambas yang mirip bahasa Melayu Ngabang dan Dayak Banyuke serta Pontianak, dialek Bekas daerah Panembahan Sambas yang berada berhampiran kawasan Teluk Keramat (terletak di hujung kawasan Sambas) kemungkinan mempunyai pengaruh bahasa Melayu Sambas dan Jawa yang begitu kuat. Keadaan ini merujuk sejarah dari panembahan Sambas

yang didirikan oleh raja kerajaan Majapahit yang pada masa itu melarikan diri berserta para pengikutnya. Dengan demikian, dialek Melayu Sambas sekitar kawasan Teluk Keramat, Sajaq, dan Paloh mempunyai pengaruh bahasa Jawa (Purba, 2009).

Asal Usul Melayu Sarawak

Terdapat beberapa pandangan tentang asal usul orang Melayu di Sarawak, iaitu berasal dari Sumatera dan Tanah Melayu, keturunan Melayu Brunei, dan berasal dari bangsa Dayak yang memeluk Islam. Suku kaum Melayu di Sarawak sebahagian besar mendiami kawasan pantai. Mereka dipercayai berasal dari Sumatera dan ada juga beberapa sumber menyebutkan bahawa mereka berasal dari Semenanjung Tanah Melayu. Mereka dipercayai mulai datang ke bumi Sarawak sejak kurun ke-15 Masihi lagi. Penempatan awal mereka adalah di Lidah Tanah, iaitu kawasan di sekitar Sungai Sarawak yang terletak di Bahagian Kuching.

Pada masa itu, suku kaum ini dipimpin oleh seorang Putera Raja bernama Datuk Merpati Jepang. Majoriti suku kaum ini beragama Islam dan pelbagai aktiviti ekonomi yang dilakukan untuk memenuhi kehidupan keseharian, seperti menangkap ikan di laut, bertani, serta berniaga. Setelah dijajah oleh kesultanan Brunei pada kurun ke-16, keturunan daripada Datuk Merpati Jepang dilantik sebagai pentadir.

Merujuk daripada sumber lain, masyarakat Melayu yang menduduki kawasan yang berhampiran Negara Brunei Darussalam seperti di kawasan Miri berasal daripada keturunan Melayu Brunei jati. Keturunan daripada golongan ini sebahagian

besarnya memakai gelaran Abang bagi lelaki dan Dayang bagi perempuan yang mempunyai fungsi sebagai nama keluarga. Menurut sejarah, mereka mulai memasuki kawasan Sarawak setelah Sarawak dijajah oleh Kesultanan Brunei.

Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa suku Melayu Sarawak berasal daripada suku Dayak yang telah memeluk Islam dan sudah mengadaptasikan adat, budaya, dan cara hidup orang Melayu serta bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Golongan ini merujuk orang-orang Melayu yang telah menetap di bahagian lain di Sarawak. Boleh dikatakan bahawa nenek moyang daripada golongan ini berasimilasi menjadi kaum Melayu secara rela setelah memeluk agama Islam. Kewujudan golongan ini telah menyebabkan wujudnya suatu bahasa Melayu dengan loghat khas Sarawak. Bagi beberapa orang, bahasa Melayu loghat Sarawak agak sukar untuk difahami disebabkan loghat tersebut sebahagian besarnya menyerap beberapa perkataan dan istilah daripada bahasa Dayak, terutama Dayak Iban dan memerlukan masa yang cukup lama untuk boleh beradaptasi dengan loghat demikian (Harrison, 1964).

Daripada beberapa sumber juga menyatakan bahawa bangsa Melayu Sarawak ialah bangsa yang kompleks dan terdapat pelbagai pendapat tentang asal usul dan keturunan orang Melayu di Sarawak. Ada juga pendapat yang menyatakan bahawa bangsa Melayu sebenarnya merupakan kaum asal dan peribumi Sarawak (Sanib Said, 2013) dan bukannya datang dari daerah atau wilayah lain seperti Brunei, Sabah, Semenanjung Tanah Melayu, Indonesia dan sebagainya. Mereka diyakini merupakan

suatu golongan atau generasi terawal Melayu di Sarawak. Di sisi lain pula, bangsa Melayu juga dipercayai berasal daripada kawasan Nusantara (Indonesia) termasuk dari Jawa dan Sumatera (Sandin, 1964). Ada juga yang berpendapat bahawa bangsa Melayu Sarawak berasal dari bangsa dari luar Nusantara, iaitu orang Arab yang mengasimilasikan dan menggabungkan diri dengan kaum Melayu dan kaum lain.

Daripada beberapa pernyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat persamaan sejarah antara bahasa Melayu di wilayah Sambas dan Sarawak. Hal ini dibuktikan dari segi beberapa kesamaan dalam konteks bahasa, baik dalam struktur mahupun tatabahasa, namun cara penuturannya amat berbeza. Yang berikut disenaraikan beberapa kata daripada kedua-dua bahasa tersebut yang memiliki struktur dan makna yang tidak jauh berbeza.

SARAWAK	SAMBAS
Aku atau Kamek	Aku atau kamek
Nya	Die atau Nya
Aok atau Auk	Aok atau Auk
Ndak atau Sik	Ndak atau Da'an
Sitok	Sitok
Ney	Maney
Madah atau Padah	Madah atau Padah
Biak Ya atau Sidak	Biak Ye
Urang	Urang
Kinetok	Kin itok

Senarai kata ini adalah antara beberapa kata yang didengar ketika belajar selama kurangnya lebih tiga tahun di Universiti Malaysia Sarawak (Sarawak, Malaysia). Dengan latar belakang bahasa yang sama, tidak terlalu sulit untuk memahami bahasa Melayu Sarawak. Jika berada di suatu pulau yang sama tidaklah mustahil banyak budaya mahupun bahasa yang menebar disegenap wilayahnya. Hal yang sedemikian inilah yang terjadi antara Melayu Sambas dengan Melayu Sarawak yang dikatakan berkongsi begitu banyak adat, budaya, dan bahasa. Beberapa orang berkata bahawa orang Melayu Sambas dan Melayu Sarawak boleh berkomunikasi dengan sangat baik dan hal yang sedemikian itu terbukti benar.

Sebagai pelajar berasal dari Melayu Sambas, memang tidak dapat dipungkiri bahawa begitu banyaknya kesamaan yang dirasakan selama menetap di

Sarawak (terutama di kawasan Samarahan). Sebenarnya banyak lagi sejarah yang masih menjadi misteri bagi kedua-dua bahasa tersebut. Hal yang sedemikian ini disebabkan kurangnya dokumentasi atau catatan sejarah yang boleh dijadikan sumber rujukan. Keadaan ini juga menyebabkan ketidakfahaman masyarakat, baik masyarakat Sambas mahupun Sarawak, bahawa kedua-dua bahasa tersebut merupakan daripada suatu kesatuan walaupun kedua-dua bahasa tersebut terdapat sedikit perbezaan dari segi pertuturan yang dipengaruhi oleh geografi dan budaya setempat.

Akan tetapi, Berdasarkan kajian yang dilakukan, sangat disayangkan sekali banyak para pekerja Sambas yang menetap di Sarawak, sudah melupakan bahasa ibu mereka sendiri, iaitu bahasa Sambas. Namun, ada juga yang masih mempertahankan bahasa Sambas ketika saling berjumpa sesama orang Sambas. Walaupun kita berada di negeri orang dan kita dituntut untuk beradaptasi di lingkungan dimana kita menetap, akankah lebih baik jika kita tidak melupakan bahasa ibu kita sendiri kerana itu menunjukkan identiti kita yang sebenar.

Kedua-dua bahasa tersebut tentu saja mempunyai keunikan dan ciri khas sendiri. Dengan mengetahui sejarah daripada kedua bahasa tersebut, dapat dipastikan bahawa suku Melayu Sambas dan suku Melayu mempunyai hubungan yang begitu erat kerana mereka mempunyai sejarah nenek moyang yang sama. Persamaan inilah yang diharapkan dapat membina hubungan yang lebih erat serta membangunkan kerjasama yang baik. DB